

KAJISBLIDIK MENGENAI SAMBUTAN PENGGUNA-PENGGUNA  
DISEKITAR KAWASAN KELANG TERHADAP KEDAI-  
KEDAI BUKU DI BANDAR KELANG

Oleh:

	K/P ITM	Kursus
PAUZIAH BT HJ. MOHAMMED	(81373195)	DBS 6G
TERESIA TIMING	(81010492)	DBS 6F
ROSNAH BT MOHD KASSIM	(81376777)	DBS 6G
NOOREHA BT HJ. MOHAMED	(82036010)	DBS 6F
FAZILAH BANU BT SHARIFF	(82349276)	DBS 6F
AGNES AEGIDIUS SITIOL	(82590031)	DBS 6G

INSTITUTE TEKNOLOGI MARA  
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENCURUGAN

MEI 1985

## PRAKATA

Laporan kajian ini adalah merupakan satu projek pelajar yang mesti dilakukan oleh pelajar-pelajar tahun akhir dari Kursus Perniagaan dan Pengurusan. Kajian ini telah dibuat dalam Bahasa Malaysia memandangkan yang Bahasa Malaysia kini adalah merupakan bahasa pengantar yang utama di Malaysia.

Kajian yang dipilih ini adalah di atas kesedaran bahawa Kajian-kajian yang dibuat sebelum ini lebih menunjukkan ke atas sesuatu majalah ataupun akhbar dan belum ada yang membuat kajian mengenai sambutan pengguna terhadap kedai buku.

Kawasan Kelang telah dipilih sebagai kawasan kajian kerana memandangkan masa begitu terhad untuk melakukan kajian ini.

Diharapkan laporan kajian ini dapat memberi faedah kepada semua pelajar-pelajar terutamanya pelajar-pelajar dari Kursus Perniagaan dan Pengurusan yang akan menjalankan kajian dalam tahun akhir kajian mereka.

### PENGHARGAAN

Kami merasa amat berbangga dan berbesar hati kerana dalam menyiapkan projek ini kami telah mendapat kerjasama dan bimbingan dari berbagai pihak. Di sini kami ingin merakamkan setinggi-tinggi pernghargaan serta ucapan terima kasih kepada mereka yang telah memberikan kerjasama samada secara langsung atau tidak kerana tanpa kerjasama dari mereka projek ini tidak dapat dijalankan.

1. Encik Mohd Noor Beg Cassim  
Penasihat Kumpulan 27.
2. Puan Faizah Abd. Rahim  
Pensyarah Matapelajaran Business Research  
ITM, Shah Alam.
3. Lau Sim Kim  
Co-Penasihat Kumpulan 27

Dan terima kasih diucapkan kepada:-

1. Puan Norizan Mohd  
Co-examiner bagi Kumpulan 27.
2. Puan M. Aminuddin  
Co-examiner bagi Kumpulan 27.
3. Puan Masitah bt Nasir  
Jurutaip.

Disamping itu kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pekedai-pekedai buku di bandar Kelang yang telah memberi maklumat yang berguna kepada kami.

## ISI KANDUNGAN

PRAKATA

PENGHARGAAN

BAB 1

MUKA SURAT

1.0	PENDAHULUAN	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyata Maslah	2
1.3	Objektif Penyelidikan	3
1.4	Halangan/Batasan	3
1.5	Andaian	5
1.6	Tumpuan Kajian	5

BAB 2

2.0	KAJIAN BAHAN	7
-----	--------------	---

BAB 3

3.0	KAEDAH PENYELIDIKAN	13
3.1	Data Pertama	13
3.2	Data Kedua	17
3.3	Kaedah Analisa	17

BAB 4

4.0	PENEMUAN DAN PENGANALISAAN	18
4.1	Objektif Penyelidikan	18
4.2	Andaian	34

BAB 5

5.0	KESIMPULAN	49
5.1	CADANGAN	55

LAMPIRAN

BIELOGRAFI

## 1.0 PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Membaca adalah merupakan asas pengetahuan, tetapi berapa ramaikah yang menyedari akan hakikat ini? Walaupun ramai yang menyedari bahawa membaca boleh membantu seseorang itu meningkatkan ilmu pengetahuan, tetapi dalam masyarakat Malaysia, tabiat suka membaca masih belum lagi meluas dan sebatи seperti yang terdapat di negara-negara maju seperti Eropah dan Jepun dan sebagainya.

Banci penduduk tahun 1980 menunjukkan bahawa 72% daripada penduduk negara ini adalah "celik huruf" (kenal huruf), bermakna kebolehan membaca atau mengenal huruf masyarakat adalah tinggi tetapi tabiat suka membaca dikalangan masyarakat tidak dijadikan satu kegemaran yang berpanjangan.

Minat membaca boleh disemaikan dikalangan masyarakat dengan mengadakan lebih banyak perpustakaan bergerak, mempelbagaikan bahan-bahan bacaan, mengadakan lebih banyak kempen-kempen yang menggalakkan masyarakat membaca dan ibubapa haruslah mengambil sikap positif dengan menggalakkan anak-anak mereka membaca.

Apakah aspek kewangan yang menjadi punca rakyat Malaysia kurang membaca? Mungkinkah harga bahan bacaan tinggi dan diluar kemampuan mereka ataupun mereka lebih tertarik pada video, radio, talivisyen, bersukan, berkelah dan sebagainya. Dan bagi kaum ibu pula, mereka lebih gemar menghadiri persatuan-persatuan daripada membaca buku di rumah.

Idea Kajian ini telah diperolehi melalui pemerhatian persendirian.